

Headline	Tengku Permaisuri Norashikin rasmi program jualan produk pertanian		
MediaTitle	SelangorKini		
Date	06 Nov 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	250,000
Page No	5	Readership	750,000
Language	Malay	ArticleSize	251 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,471
Frequency	Weekly	PR Value	RM 7,414



Tengku Permaisuri Norashikin berkenan menyediakan rojak buah pada program Jelajah Jualan Terus Dari Ladang Peringkat Selangor 2019 di AEON Mall Shah Alam pada 24 Oktober lalu

Tengku Permaisuri Norashikin rasmi program jualan produk pertanian

SHAH ALAM - Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Tengku Permaisuri Selangor, Tengku Permaisuri Norashikin berkenan berangkat merasmikan Program Jelajah Jualan Terus Dari Ladang Peringkat Negeri Selangor 2019.

Keberangkatan tiba baginda di AEON Mall Shah Alam diraikan dengan persembahan muzikal tari yang memaparkan kehidu-

pan golongan petani.

Baginda yang diiringi Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Salahuddin Ayub turut meluangkan masa melawat tapak jualan.

Sementara itu, program jelajah di bawah Program Ladang Kontrak yang diperkenalkan FAMA ini bertujuan mempelbagaikan medium pasaran bagi peserta terbabit.

Terdapat 20 gerai jualan dibuka

oleh pengeluar pelbagai jenis produk pertanian dengan harga yang ditawarkan berpatutan.

Menerusi program ini produk pertanian yang dijual di sini lebih murah antara lima hingga 20 peratus berbanding produk sama di pasaran biasa.

Antara buah-buahan yang dijual pada program ini seperti nenas, dokong, keranji dan belimbing.